

Tiada motif politik

27 MAY 1990
menegaskan tindakan akan mengumumkan ke pengetahuan orang ramai, Perdana Menteri berkata itu terpujalah kepada BPR kerana ia sebuah badan bebas.

"Oleh itu kita tidak boleh campur tangan dalam urusan atau tindakan sebuah badan yang bebas. Kita perlu menghormati sebarang tindakan yang diambil oleh BPR terhadap orang-orang tertentu.

"Takkanlah saya nak bagi arahan kerana tindakan itu akan menjejaskan imej kerajaan dan sekaligus imej Menteri Pendidikan. Kerajaan tak untung apa-apa. Apatah lagi di saat kita akan menghadapi pilihanraya tidak lama lagi,"ujarnya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, ini tidak bermakna bahawa tindakan sesebuah badan bebas itu tidak atas dorongan- dorongan tertentu atau mempunyai pendirian politik.

Sambil menyebut contoh tentang tekanan-tekanan dari Majlis Peguam yang mahukan Badan Kehakiman mengambil tindakan memenjara Ketua Hakim Negara, baru-baru ini menunjukkan bahawa majlis itu tidak menghormati kebebasan Badan Kehakiman.

Sebaliknya, majlis itu menuduh kerajaan campur tangan dalam hak kebebasan Badan Kehakiman apabila kerajaan mengambil tindakan yang mengikut lunas undang - undang.

Ditanya sama ada hasil siasatan BPR ke atas Profesor Syed Hussein itu

Terdahulu dari itu dalam ucapannya di majlis tersebut Dato' Sri Dr. Mahathir menasihati para peladang khusus petani tidak menjual undi mereka semata-mata terpengaruh dengan golongan yang cuba menyogokkan mereka dengan wang.

Beliau berkata golongan petani sekarang ini telah banyak menikmati faedah dan kemudahan sosio-ekonomi dengan wujudnya Lembaga Kemajuan Perairan Muda (MADA).

Katanya, dengan pembangunan yang dinikmati sekarang ini projek MADA ini yang dulu hanya diperuntukkan sebanyak \$400 juta kini bernilai lebih \$3,000 juta.

Siasatan ke atas Syed Hussein tiada motif politik - PM

28 MAY 1990
ALUR SETAR 26 Mei - Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir hari ini menolak dakwaan Encik Lim Kit Siang bahawa tindakan Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengeledah kediaman Naib Canselor Universiti Melayu bermotifkan politik.

Serentak itu, beliau turut menafi keras bahawa wujud perselisihan faham antara Encik Ghafar Baba dengan Encik Anwar Ibrahim seperti yang didakwa oleh Setiausaha Agung DAP ekoran tindakan BPR itu.

Sebaliknya, beliau berkata dakwaan tersebut adalah semata-mata isu yang dicipta oleh musuh-musuh kerajaan khususnya parti-parti pembangkang di saat-saat menjelang pilihanraya.

Sambil menegaskan bahawa tindakan BPR itu telah menjejaskan imej Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim secara langsung dan sekaligus kerajaan, Perdana Menteri kesal kerana insiden itu berlaku di saat pilihanraya umum akan diadakan.

Kini, katanya, kerajaan berada dalam keadaan tersepit antara dua pihak yang mahukan tindakan diambil ke atas Naib Canselor itu khususnya orang-orang Melayu dan satu pihak lagi akan tersinggung jika tindakan diambil ke atas Profesor Syed Hussein.

Bercakap pada satu sidang akhbar selepas majlis kesyukuran anjuran Peladang Mada di Kepala Batas, 12km dari sini Dato' Sri Dr. Mahathir

LIHAT MUKA 12